

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
JABATAN SENIBINA DALAMAN
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
NOV 04 – APRIL 05**

Adalah dilaporkan bahawa kajian ini disediakan

Oleh :

NAZRATUL WAHEEDA BINTI NADZRI

2002286454

Bertajuk

LAPORAN

**CADANGAN MEREKABENTUK GALERI PROFILEMAN MELAYU MALAYSIA
DI NO 1, JALAN TUNKU PUTRA, CHANGKAT TUNKU, KUALA LUMPUR**

Diterima sebagai memenuhi syarat-syarat untuk memperolehi

Diploma Rekabentuk Dalaman

PENYELIA : PUAN NURRAJWANI BINTI ABD. HALIM _____
KOORDINATOR : PUAN NORASYIKIN ABDULLAH _____
KETUA KURSUS : PUAN RAMLAH BINTI AWI _____

PENGHARGAAN

Assalamualaikum wbt,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan keizinan dan keredhaanNya, saya dapat melakukan kajian demi kajian untuk menjalankan projek akhir semester 06 sekaligus memenuhi tanggungjawab saya sebagai seorang pelajar. Semester akhir merupakan semester penentuan untuk menggenggam segulung diploma yang diimpikan sekian lama.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah subjek Thesis IND 386, Puan Norashikin Abdullah kerana dengan tunjuk ajar beliau, saya dapat melakukan kajian dengan cara yang tepat. Begitu juga dengan pensyarah yang bertindak sebagai penasihat saya dalam melakukan tesis ini iaitu Puan Nurrajwani Bt Abd. Halim yang banyak menolong saya dalam membentulkan dan melengkapkan tesis saya.

Seterusnya buat semua pensyarah-pensyarah Jabatan Senibina Dalaman yang mengajar saya dalam bidang rekabentuk ini terutamanya kepada koordinator saya, En. Azizan Nor, En. Fakhul Zaman dan Puan Siti Norsazlina, terima kasih di atas pembelajaran yang telah diberi.

ABSTRAK

Konsep merupakan perkara penting dalam menghasilkan sesuatu rekabentuk. Secara amnya, kita merekabentuk sesuatu dengan berpandukan konsep yang ingin dilakukan. Selain daripada itu, rekaan juga biasanya mengandungi elemen-elemen yang berpandukan daripada konsep yang kita tentukan.

Berdasarkan konsep dan elemen yang dihasilkan, maka terbentuklah sebuah rekaan yang menarik dan mempunyai nilai estetiknya yang tersendiri. Namun bagitu, penggunaan dan fungsinya tidak boleh diabaikan begitu sahaja. Rekabentuk mestilah berpandukan kepada keperluan dan kehendak manusia dalam sesuatu ruang yang ingin diteroka.

Kesemua perkara ini berkesinambungan di antara satu sama lain untuk menghasilkan produk akhir yang menarik. Imej dan rekaan yang ditonjolkan perlulah mempunyai perkaitan di antara satu sama lain supaya rekabentuk yang ingin disampaikan itu tidak lari daripada konsep yang ingin ditonjolkan.

Galeri adalah sebuah tempat di mana sesuatu benda yang berharga dipamerkan di sini. Gabungan konsep, elemen dan imej yang menarik di samping mementingkan fungsi serta ruang untuk pengunjung akan membentuk sebuah rekabentuk menarik dan nilai keistimewaan barang yang ingin dipamerkan akan menjadi lebih tinggi dan berharga.

KANDUNGAN

Kandungan	Mukasurat
1.0 Pengenalan	1 - 51
1.1 Pengenalan Projek	2
1.2 Skop Kajian	5
1.3 Matlamat dan Objektif Kajian	7
1.4 Kepentingan Kajian	10
1.5 Pendekatan Kajian	12
1.6 Kajian Kes	14
2.0 Latar Belakang Klien	52 - 64
2.1 Sejarah Penubuhan FINAS	53
2.1.1 Objektif, Visi dan Misi	55
2.1.2 Piagam Pelanggan	56
2.1.3 Dasar Kualiti	57
2.1.4 Kod Etika	58
2.2 Carta Organisasi Syarikat	59
2.3 Fungsi Bahagian	60
2.4 Isu dan Masalah	62

1.0 BAB 1 – PENGENALAN

1.1 PENGENALAN

Untuk analisis projek akhir ini, saya telah memilih untuk mewujudkan sebuah Galeri Perfileman Rumpun Melayu. Idea untuk mewujudkan galeri ini timbul apabila memikirkan tentang bagaimanakah caranya untuk mengetahui Dengan lebih lanjut mengenai filem-filem melayu lama. Tambahan pula, sebagai seorang penggemar filem-filem lama, sudah tentunya saya mahukan maklumat secara terperinci mengenainya.

Galeri merupakan sebuah tempat himpunan sesuatu bahan untuk dipamerkan bagi tontonan umum. Terdapat pelbagai jenis cara untuk merekabentuk bahan pameran di dalam sesebuah galeri. Umumnya menggunakan bingkai gambar ataupun secara menggantung bahan-bahan pameran serta diletakkan dalam kotak kaca. Galeri Perfileman Rumpun Melayu ini bakal menghimpunkan filem-filem lama khususnya dariapda tahun 1930an sehingga 1980an.

Berdasarkan kajian, penggemar filem lebih menyukai corak perfileman melayu lama berbanding dengan filem zaman alaf baru ini. Ini kerana karyawan zaman dahulu amat mementingkan kualiti dan kesempurnaan sesebuah filem walaupun ketika itu penggunaan alat pengambaran adalah sangat terhad. Galeri ini semestinya akan mengimbau kembali zaman kegemilangan filem melayu teruramanya ketika zaman filem-filem arahan Allahyarham Tan Sri P Ramlee.